



M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan

## S E R I P A D U K A B A G I N D A

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 34  
No 7

29hb Mac 1990

TAMBAHAN  
No. 1

---

### RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 27hb Februari 1990*).

Supplementary Supply (1989) Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 27th February 1990*).

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 27hb Februari 1990*).

Medicines (Advertisement and Sale) (Amendment) Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 27th February 1990*).

Akta Zon Bebas 1990—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 28hb Februari 1990*).

Free Zones Act 1990—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 28th February 1990*).

Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 28hb Februari 1990).*

Goods Vehicle Levy (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 28th February 1990).*

Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 28hb Februari 1990).*

Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Remembrance Allowance) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 28th February 1990).*

Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 28hb Februari 1990).*

Control of Supplies (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 28th February 1990).*

Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 28hb Februari 1990).*

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 28th February 1990).*

Akta Pilihanraya (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 1hb Mac 1990).*

Elections (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 1st March 1990).*

Akta Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 1hb Mac 1990).*

Election Offences (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 1st March 1990).*

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 5hb Mac 1990).*

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 5th March 1990).*

Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 8hb Mac 1990).*

Federal Constitution (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 8th March 1990).*

Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990--(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 15hb Mac 1990*).

Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Amendment) Act 1990-(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 15th March 1990*).

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1989) 1990. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus empat puluh enam juta tiga ratus lima belas ribu enam ratus tujuh puluh sembilan ringgit (\$246,315,679) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1989, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1989.  
Akta A713.  
Akta A736.  
Akta A745.
- (2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**  
**(Seksyen 2)**

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ..	Parlimen .. .. .. ..	\$ 371,200
B. 3 ..	Jabatan Audit .. .. ..	750,000
B. 4 ..	Suruhanjaya Pilihanraya .. ..	887,000
B. 5 ..	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ..	575,400
B. 7 ..	Jabatan Perdana Menteri .. ..	16,244,759
B. 13 ..	Kementerian Kehakiman .. ..	3,000,000
B. 17 ..	Kementerian Belia dan Sukan ..	900,000
B. 20 ..	Kementerian Perdagangan dan Per-industrian .. .. .. ..	4,191,000
B. 21 ..	Kementerian Kebudayaan dan Pe-lancongan .. .. .. ..	46,000,000
B. 24 ..	Jabatan Perpustakaan Negara ..	72,300
B. 25 ..	Kementerian Pertahanan .. ..	38,630,000
B. 26 ..	Kementerian Pendidikan .. ..	74,763,700
B. 27 ..	Kementerian Luar Negeri .. ..	19,624,920
B. 30 ..	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun .. .. ..	2,500,000
B. 32 ..	Jabatan Hasil Dalam Negeri ..	205,400
B. 34 ..	Kementerian Kesihatan .. ..	26,600,000
B. 53 ..	Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah .. .. ..	11,000,000
JUMLAH ..		<u>\$246,315,679</u>

**HURAIAN**

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1989 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1989, Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1989 dan Akta Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) 1990.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1603.]